

**REPRESENTASI BADAN PERHUBUNGAN PAS NEGERI KELANTAN
REPRESENTASI BADAN PERHUBUNGAN PAS NEGERI KELANTAN**

**KAPADA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PARLIMEN
KE ARAH PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN**

**SIDANG PENDENGARAN AWAM
SABTU-AHAD
13-14 SAFAR 1433H BERSAMAAN 7-8 JANUARI 2012**

**BERTEMPAT DI BILIK GERAKAN NEGERI, KOMPLEKS SETIAUSAHA KERAJAAN
KOTA DARUL NAIM, KOTA BHARU KELANTAN**

PENDAHULUAN

Pelaksanaan dan penjalanan proses pilihan raya di Malaysia masa kini adalah diadakan secara berkala telah dilihat tidak memenuhi standard yang murni. Maka perlulah pilihan raya itu dikendalikan secara tulen, bersih, bebas dan adil. Malah ada yang berpandangan sampai masanya langkah memurnikan pilihan raya dilakukan melalui usaha penambahbaikan agar ia kelihatan tulen (secara sebenar) atau berpersepsi positif — bersih, bebas dan adil.

Natijah proses pilihan raya yang murni sudah tentu akan menyediakan asas yang kukuh ke arah mewujudkan pentadbiran kerajaan yang berwibawa, bertanggungjawab, telus dan berkeadilan untuk semua pihak (lapisan rakyat). Sekaligus dilihat dapat mencapai hasrat dan memenuhi kepentingan masing-masing dengan harmoni dan tanpa pengaruh yang tidak wajar pihak penguasa atau pihak yang berkenaan.

Justeru ada banyak proses dan aspek teknikal dari penjalanan pilihan raya yang perlu dilakukan penambahbaikan. Tujuannya tidak lain ialah ke arah mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi sistem dan badan pengurusan pilihan raya serta kuasa dalam menentukan amalan dan penjalanan pilihan raya.

PENGESYORAN

01. Kebebasan dan kuasa autonomi (**Independent and Autonomous**) Badan Pengurusan Pilihan Raya (**Electoral Management Body**) dari sebarang bentuk tekanan dan pengaruh tidak wajar adalah di antara syarat yang boleh menjurus ke arah terlaksananya proses pilihan raya yang tulen, bersih, bebas dan adil.

Walaupun terdapat beberapa bentuk Badan Pengurusan Pilihan Raya, yang utama ia tidak terikat dan tertakluk kepada pengarahan atau pengaruh Badan Eksekutif.

DICADANGKAN supaya Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) sebagai sebuah Badan Pengurusan Pilihan Raya diletakkan di bawah naungan dan bertanggungjawab terus kepada Parlimen (**Badan Legislatif**). Hal ini adalah selari dengan kuasa SPR yang dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong dan kuasa diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan.

02. Pengundian Secara Pos bagi kategori Pengundi Tanpa Hadir sudah tidak relevan kerana perubahan suasana dan persekitaran terkini. Lebih-lebih lagi terdapat banyak keraguan dan pertikaian mengenai proses pendaftaran dan penjalanan pengundian secara pos, terutama di kalangan pasukan keselamatan.

DICADANGKAN supaya sistem pengundian secara pos dihapuskan dan diganti dengan kaedah yang lebih sesuai dan praktikal — Polis, tentera, dan kakitangan SPR dan sebagainya boleh mengundi secara biasa.

03. Walaupun sistem pilihan raya yang berdasarkan kapada “*first-past-the-post* (FPTP)/*plurality/majority*” menjadi amalan di kebanyakan Negara demokrasi, tetapi masih kedapatan sistem lain yang boleh diteliti untuk dilaksanakan bagi mempastikan bentuk pengundian dan pembentukan kerajaan menepati majoriti kehendak rakyat. Paling utama, kadar perwakilan (wakil rakyat yang dipilih benar-benar mewakili rakyat) amat menyakinkan rakyat kesan sistem pilihan raya dipakai.

DICADANGKAN supaya diwujudkan satu badan khas bagi mengkaji sistem-sistem pilihan raya yang diamalkan di kebanyakan Negara dan memperakukan untuk pertimbangan satu sistem yang lebih sesuai, terkini dan menepati kadar dan kehendak penyertaan rakyat dalam konteks pembentukan kerajaan dan demokrasi pilihan raya. Paling utama sistem pilihan raya sekarang (FPTP) hampir tidak relevan lagi selepas 54 tahun merdeka.

04. Sehingga kini, tarikh pilihan raya sering menjadi teka-teki dan hanya menjadi ‘kuasa’ kerajaan menyandang mengisyiharkan pembubaran dewan perundangan. Agak malang di sebalik teka-teki itu berlaku keadaan yang mengejut (ambush) dan menimbulkan kekalutan dari segi persiapan dan sebagainya di kalangan pihak yang berkepentingan.

DICADANGKAN supaya wujud sistem tempoh penggal dewan perundangan yang tetap (fixed-term legislature) atau mengisyiharkan tarikh pilihan raya yang lebih awal, misalnya setahun selepas pilihan raya hendaklah diumumkan tarikh bagi pilihan raya akan datang. Hak mengumumkan itu hendaklah diserahkan kepada SPR.

05. Oleh kerana peranan Kempen Media terlalu penting dan signifikan dalam menentukan proses pembuatan keputusan di kalangan pemilih, maka ruang dan peluang kempen yang saksama perlu diberikan kapada semua pihak yang terlibat dalam pilihan raya; terutamanya parti/calon yang bertanding. Oleh itu, pemilik media (milik awam dan swasta) seharusnya diregulirasikan agar menyedia ruang/airtime kempen pilihan raya kepada parti/calon bertanding.

DICADANGKAN supaya wujud satu badan bebas untuk mengawal-selia (regulate) capaian dan penggunaan media. Perlu digubal satu peraturan kempen menerusi media untuk membenarkan semua parti/calon bertanding diberikan hak dalam media kerajaan dan swasta.

06. Ketegangan akibat penggunaan Bahan Kempen yang melampau sering menjadi isu yang memburukkan proses kempen. Lebih memburukkan tatkala hak pemasangan bahan kempen sering menyebelahi pihak parti yang berkuasa, maka perlunya hak kempen yang seimbang dan adil.

DICADANGKAN digubal peraturan kempen standard dengan memberi kuasa kepada SPR menyediakan, mengawal dan mengurus Pentas Kempen Sepadu di setiap daerah mengundi. SPR bolehlah mengatur jadual dan kebenaran berkempen (permit) secara bergilir kepada semua pihak yang bertanding bagi memberi peluang kapada semua pemilih mengikuti dan mengamati hujah dan maklumat. Pada masa sama, pemasangan bahan kempen harus dikawal dan tumpuan berkempen terbuka hanya di Pentas Kempen Sepadu.

07. Penjalanan pilihan raya yang tulen, bersih, bebas dan adil boleh dipertingkat dan diperkuuhkan melalui proses pemerhatian “over-sight observation” oleh pihak ketiga yang berwibawa, terutamanya dari kalangan warga/institusi antarabangsa yang mempunyai kepakaran, kemahiran dan sumberdaya yang kukuh.

DICADANGKAN supaya pihak kerajaan memberi kebenaran dan mengistitusikan pentaulahan kapada Badan Pemerhati Pilihan Raya Antarabangsa dan Tempatan untuk menjadi pemerhati rasmi dalam bentuk jangka panjang (LTO) dan jangka pendek (STO). Amalan ini penting bagi memastikan ‘ketelusan’ proses dan penjalanan demokrasi.

08. Oleh kerana kerajaan menyandang (*incumbent government*) masih meneruskan urusan pentadbiran selepas pembubaran dewan sehingga satu keputusan/pembentukan kerajaan baru berlaku, maka parti yang sedia berkuasa perlu dipastikan tidak menggunakan aparatus eksekutif untuk berkempen.

DICADANGKAN satu bentuk dan tatacara pentadbiran “kerajaan menjaga” (“*care-taker government*”) yang lebih jelas, telus dan diinstitusikan demi menjaga prinsip demokrasi agar tidak menggunakan kemudahan kerajaan untuk berkempen. Justeru, institusi berkenaan perlu menyenaraikan secara jelas perkara yang TIDAK BOLEH dilakukan oleh “kerajaan menjaga” sepanjang tempoh kempen berlangsung.

09. Semua individu calon yang mengambil bahagian dan bertanding dalam pilihan raya adalah mewakili/di atas nama parti dan ditauliahkan/diberi kuasa untuk bertanding di atas nama dan bagi pihak parti, kecuali calon bebas. Maka , pengundi yang memilih calon dan parti berkenaan adalah di atas kepercayaan dan keyakinan dengan prestasi dan tawaran-tawaran yang telah dikemukakan kepada pengundi-pengundi.

DICADANGKAN supaya ada satu bentuk peraturan/kawalan ketat bagi memastikan hak pengundi yang memilih dan integriti parti yang dipilih. Justeru sekiranya berlaku tindakan calon yang keluar dari parti yang ia bertanding dan menang itu, maka kerusinya hendaklah disahkan kosong. Maka kekosongan kerusi itu hendaklah diisi tanpa pilihan raya kecil (“By-election”), iaitu pihak parti yang menang tadi perlu menamakan individu pengganti/seorang calon bagi mengisi kekosongan tersebut. Manfaatnya, ia suatu penjimatan duit rakyat dan penerapan integriti politik yang berpihak kepada pengundi dan parti politik.

10. Didapati masih ramai warganegara yang layak untuk menjadi seorang pengundi tiada dalam senarai pemilih, dan ini menafikan hak sebahagian besar daripada mereka untuk memilih dan menentukan kepimpinan kerajaan. Paling utama, selari dengan perkembangan ilmu dan kematangan berfikir sudah meningkat di kalangan mereka itu yang rata-rata berada dalam kumpulan umur matang dan warganegara yang merdeka.

DICADANGKAN supaya dilaksanakan sistem pendaftaran pemilih secara automatik, dengan menurunkan had umur daripada 21 kepada 18 tahun berasaskan kapada alamat yang tertera di atas kad pengenalan dan disahkan rekodnya oleh pihak berkuasa. Rasional adalah banyak negara membangun (taraf sosioekonomi lebih rendah berbanding Malaysia) sudah menerima had umur 18 sebagai umur layak megundi.

11. Tempoh berkempen yang munasabah dan susuai akan memberi peluang yang adil kapada semua pihak calon dan parti yang bertanding. Tempoh itu hendaklah membolehkan persiapan dan pengurusan kempen yang tersusun dan kemas, dan tidak terdesak dengan tempoh berkempen minimum lapan hari yang diamalkan sekarang.

DICADANGKAN supaya tempoh berkempen minimum dinaikkan kepada 14 hari dengan notis pilihan raya dikeluarkan sebelumnya tidak kurang daripada tujuh (7) hari. Justeru tempoh daripada hari penamaan calon dan hari mengundi tidak kurang daripada empat belas (14) hari.

12. Proses penamaan calon yang ada sekarang dihad masanya dalam tempoh yang begitu singkat — 3-4 jam sahaja. Menyebabkan tumpuan semua calon dan parti politik agak padat kerana semua pihak terpaksa hadir di pusat penamaan calon dalam tempoh tersebut.

DICADANGKAN diadakan peraturan pencalonan dengan satu tempoh penamaan calon yang anjal (3 hari). Ia penting untuk memberi peluang kapada semua pihak yang terlibat boleh hadir secara berjadual tanpa bertembung di antara pihak kumpulan calon/parti di pusat penamaan calon.

RUJUKAN:

1. Declaration on Criteria for Free and Fair Elections
(-154th Session IPU Council-26th March 1994, Paris)
2. Revisiting Free and Fair Elections-An International round table
organized by IPU-2004-Geneva)
3. Free and Fair Elections-New Expanded Edition-IPU-2006
4. Electoral Systems-Aworldwide Comparative Study-IPU-1993
5. Electoral Management Bodies As Institution of Governance-
UNDP-2000
6. Electoral Management Design: The Internatioanal IDEA
Handbook-IDEA-2006
7. The Electoral System Design: The New International IDEA
Handbook-IDEA-
8. Challenging the Norms and Standards of Election
Administration-IFES?USAID-2007

